



## KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

**22 APRIL 2016**

---

### **OPERASI PEMBENIHAN AWAN (OPA) DARI DI LAPANGAN TERBANG SUBANG DAN PULAU PINANG BERJAYA**

---

OPA hari ini diteruskan dari Lapangan Terbang Subang dan Pulau Pinang dan berjaya menghasilkan hujan di kawasan-kawasan berikut:

1. Kawasan tadahan Bukit Larut, Empangan Bukit Merah & Air Kuning, Perak
2. Empangan Sepri, N. Sembilan
3. Empangan Durian Tunggal, Melaka.

Lain-lain kawasan sasaran berikut menunjukkan perkembangan awan selepas pembedihan dilakukan:

1. Empangan Timah Tasoh, Perlis
2. Empangan Ahning, Pedu, Muda dan Beris, Kedah
3. Empangan Teluk Bahang dan Air Itam, P. Pinang

Sehingga jam 4.00 petang hari ini juga hanya Stesen Meteorologi Chuping mencatatkan bacaan suhu melebihi 37.0°C iaitu 37.2°C.

Berbanding semalam, terdapat pengurangan bilangan titik panas daripada 31 kepada 20 di Semenanjung. Peningkatan yang ketara juga

berlaku di Sabah daripada 2 titik panas kepada 12 dikesan di Sabah oleh imej satelit MODIS. Manakala tiada titik panas di kesan di Sarawak.

Lokasi-lokasi titik panas di Semenanjung dan di Sabah adalah seperti mana berikut:

### Semenanjung

- i. Pahang – 13
- ii. Kelantan – 4
- iii. Terengganu -2
- iv. Negeri Sembilan- 1

### Sabah

- i. Bahagian Pedalaman – 7
- ii. Bahagian Sandakan – 3
- iii. Bahagian Pantai Barat - 2

Sehingga 21 April 2016, 3 kawasan yang mencatatkan bilangan hari tanpa hujan melebihi 10 hari ialah di Kota Bharu (19 hari) dan Machang, Kelantan (19 hari) serta Kudat di Sabah (11 hari).

Manakala Klang, Kuala Selangor, Kota Tinggi, Rompin dan Kota Kinabalu mencatatkan bilangan hari tanpa hujan 7-9 hari.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau  
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

---

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia**  
Phone: 03-8885 8141, Fax: 03-8890 3092  
Email: [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my)

**Suhu Maksimum Dari 20 April - 22 April 2016**

	<b>20/4</b>	<b>21/4</b>	<b>22/4 (sehingga jam 4pm)</b>
ALOR SETAR	37.6	37.2	35.8
LANGKAWI	36.0	34.4	34.0
BATU EMBUN	38.2	38.4	36.7
CHUPING	38.0	37.7	37.2
IPOH	36.2	36.6	35.5
SITIAWAN	34.8	34.8	33.1
LUBOK MERBAU	36.2	36.3	35.1
BUTTERWORTH	33.8	34.1	33.5
PRAI	34.6	34.2	34.5
PETALING JAYA	37.7	35.8	33.0
SUBANG	36.3	36.8	33.0
KLIA	34.9	35.6	34.0
TEMERLOH	38.4	37.3	35.9
KOTA BHARU	34.3	35.2	33.8
KUALA KRAI	36.1	37.5	36.3
KUALA PILAH	36.3	35.0	34.0
SENAI	35.7	35.9	35.2
MELAKA	36.1	35.9	34.2
MUADZAM SHAH	35.4	34.9	35.1
KUANTAN	35.5	34.1	34.2
MERSING	35.1	34.5	34.9
KAPIT	34.5	30.0	35.3
BATU PAHAT	36.4	35.9	34.9
KLUANG	35.5	35.4	34.9
LIMBANG	35.8	35.7	35.7
KENINGAU	34.9	35.6	36.0
SANDAKAN	33.0	33.8	36.1
KUCHING	31.9	32.5	35.1

	Suhu Maksima Harian 35.0° - 36.9°C
	Suhu Maksima Harian 37.0° - 39.9°C
	Suhu Maksima Harian 40.0°C atau lebih

**BILANGAN HARI TANPA HUJAN SEHINGGA 21/04/2016**

<b>NEGERI/DAERAH</b>	<b>BILANGAN HARI TANPA HUJAN SEHINGGA 21/04/2016</b>
<b>Kelantan</b>	
Kota Bharu	19
Machang	19
<b>Selangor</b>	
Klang	9
Kuala Selangor	9
<b>Pahang</b>	
Rompin	8
<b>Johor</b>	
Kota Tinggi	9
<b>Sabah</b>	
Kudat	11
Kota Kinabalu	7

